

17 SEP 1996

GALERIA PERDANA DIKUNJUNGI 55,000 PELANCONG

LANGKAWI, 17 Sept (Bernama) -- Galeria Perdana yang mempamerkan pelbagai koleksi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dikunjungi lebih 55,000 orang pelancong dalam dan luar negeri walaupun baru empat bulan dibuka.

Pengurusnya, Cik Mahani Muhammed berkata, pengurusan galeria mengatur pelbagai program termasuk menyediakan hadiah-hadiah menarik kepada pengunjung tertentu sebagai promosi untuk meningkatkan bilangan pengunjung.

Katanya, galeria itu mempamerkan kira-kira 2,500 koleksi Perdana Menteri seperti cenderamata, buku dan sembilan buah kereta yang dihadiah kepada beliau oleh pemimpin dari dalam dan luar negeri.

Beliau berkata, para pelajar dan remaja boleh mengambil peluang mengunjungi galeria itu untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai negara-negara lain dan latar belakangnya.

Katanya, hadiah menarik disediakan kepada pengunjung ke-100,000 yang dijangka dapat dicapai dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Selain itu, pihaknya menganjurkan peraduan melukis dan menulis untuk pelajar sekolah menengah dan rendah di Langkawi yang berhubung kait dengan galeria itu dan sambutan yang diterima mengalakkan, katanya.

Pihaknya juga merancang mengadakan bengkel kraf dan ceramah untuk remaja dan pelajar.

Pengunjung dewasa dikenakan bayaran masuk RM2 manakala kanak-kanak RM1.

Sementara itu, Cik Wan Ezah Wan Abdul Rahman, 20, dari Jerlun, Kedah muncul pengunjung ke-55,000 dan menerima hadiah pakej percutian ke Medan, Indonesia selama empat hari tiga malam untuk dua orang. -- BERNAMA

ZI OBA